

BANDAR RAYA



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



LEBIH 2,000 PENGUNJUNG,

MERIAHKAN HTKSJ EDISI KEDUA DI SERI KEMBANGAN

m/s 39



CORAT-CORET TRAGEDI KEBAKARAN PAIP GAS PUTRA HEIGHTS

m/s 20

PET ADOPTION CARNIVAL

BUKA PELUANG KEDUA
UNTUK HAIWAN JALANAN

m/s 26



IBADAH KORBAN SEMARAK NILAI KEIKHLASAN DAN UKHUWAH WARGA MBSJ

m/s 28



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN



MBSJ KEKAL CEMERLANG! 4 PENSIJILAN BERTARAF ANTARABANGSA DISAHKAN SIRIM	3
WARGA MBSJ TERIMA PINGAT SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR KE-79	3
PASUKAN 2LAS DAN PASUKAN REVENUE PAMER KEHEBATAN INOVASI DALAM PERTANDINGAN AKHIR INOVASI MALA 3.0 - PIALA YB MENTERI PKPT 2024-2025	4
45 PASUKAN SERLAHKAN KEHEBATAN INOVASI DALAM SESI PENILAIAN AWAL AINS 2025	4
SESI PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2025	5
PERSIAPAN RAPI MBSJ SEMPENA AINS 2025	5
LAWATAN MESRA PERDANA MENTERI SERIKAN PUCHONG	6
EMPAT INOVASI MBSJ TAMPIL DI PERSADA NEGERI	6
MBSJ DAN PUNB BINCANG KERJASAMA SOKONG USAHAWAN TEMPATAN	7
29 WARGA MBSJ TERIMA KENAIKAN PANGKAT SECARA RASMI	7
MBSJ DAN ANULAE PERKASA TADBIR URUS DAN KEBAJIKAN ANGGOTA	7
KERJASAMA STRATEGIK TANGANI INFRASTRUKTUR BERISIKO DI SUBANG JAYA	8
PENYELESAIAN INKLUSIF ISU TEMPATAN MELALUI MESYUARAT LEP-MBSJ	8
MBSJ PERKUKUH PERANCANGAN PEMBANGUNAN SERI KEMBANGAN	9
MBSJ BERTINDAK PROAKTIF TANGANI ISU PENDUDUK SERI KEMBANGAN	9
DEMI BANDAR RAYA LEBIH MAMPAN, RTSJ 2035 DITELITI SEMULA	10
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) MBSJ BUKTI KEPRIHATINAN PENGURUSAN MBSJ	10
700 SERTAI SESI TAKLIMAT DAN CABUTAN UNDIAN BAGI PROGRAM TASK FORCE TUNGGAKAN CUKAI MBSJ	11
INSENTIF PEMANGKIN SEMANGAT WARGA MBSJ IMPLEMENTASI EKSA	11
PELANTIKAN KONTRAKTOR MBSJ TERUS DILAKSANA SECARA TELUS	12
DBP BENTANG LAPORAN PEMANTAUAN BAHASA DI KAWASAN MBSJ	12
MBSJ SASAR TAHAP KEDUA PENARAFAN BANDAR PINTAR	13
LANGKAH PROAKTIF PPAS MENELUSURI AMALAN EKSA DI MBSJ	13
USAHA BERSAMA PERKASA KESEDARAN KESIHATAN MENTAL	14
MBSJ KONGSI PENGURUSAN PRASARANA SUKAN BERSAMA DBKL	14

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK MAIWP-MBSJ BERI NILAI TAMBAH	14
MODUL ANTIRASUAH PERKUKUH INTEGRITI PEGAWAI MBSJ	15
KERJASAMA MBSJ-AADK TANGANI RISIKO DADAH DI TEMPAT KERJA	15
KURSUS GAMIFIKASI PUPUK ETIKA KERJA WARGA MBSJ	16
MBSJ TEGAS SEMAI BUDAYA KERJA BERINTEGRITI	16
MBSJ DAN ADN BATU TIGA TINJAU ADUAN PENDUDUK DI SHAH ALAM	17
LIBAT URUS AWAL MBSJ PASTIKAN SUARA KOMUNITI DIDENGAR	17
SIMPANAN SHARIAH: PILIHAN BIJAK, MASA DEPAN TERJAMIN	18
SEMINAR PERKASA NILAI MAKNAWI DALAM INSTITUSI PERKAHWINAN	18
LAWATAN KERJA MBSJ TELITI AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KREMATORIUM	19
KUNJUNGAN MBSJ KE MBI PERKUKUH JALINAN STRATEGIK PBT	19
CORAT- CORET TRAGEDI KEBAKARAN PAIP GAS PUTRA HEIGHTS	20
TINDAKAN PANTAS MEMBANTU MANGSA BANJIR	23
MBSJ HEBAT INISIATIF PERKASA DAYA TAHAN BANDAR RAYA	23
MBSJ PERKENAL APLIKASI PANTAU ARAS AIR	23
WARNA-WARNI KOMUNITI	25
PET ADOPTION CARNIVAL BUKA PELUANG KEDUA UNTUK HAIWAN JALANAN	26
CUNGKIL BAKAT BARU MELALUI MYSKILLS COMPETITION	26
PERTINGKAT PENGETAHUAN MELALUI PEMBACAAN	27
INSIDEN PAIP GAS: MBSJ TUBUH KAUNTER TUNTUTAN KHAS	27
DUYUFURRAHMAN MBSJ DIRAI PENUH DOA DAN PENGHARGAAN	28
IBADAH KORBAN SEMARAK NILAI KEIKHLASAN DAN UKHUWAH WARGA MBSJ	28
BANTUAN PEMULIHAN KEPADA PENIAGA TERJEJAS ERATKAN SOLIDARITI KOMUNITI	29

PERPUSTAKAAN PUCHONG BAKAL JADI PUSAT AEROANGKASA!	30
FABRIK CETAKAN FLORA TEMPATAN TARIK PELUANG KOMERSIAL	30
KOMUNITI SUBANG JAYA BANGKIT URUS E-SISA	31
MENDALAMI ESG DALAM USAHA MELESTARIKAN BANDARAYA	31
PROGRAM SEKOLAH TEROKA KITAR SEMULA DI GALERI 3C	32
AGENDA RENDAH KARBON DIPERKASA MELALUI SESI TEACH-IN ANJURAN MBSJ	32
ILMU KITAR SEMULA TARIK MINAT PELAJAR	33
MBSJ REJUVENASI PENDEKATAN RAIH MINAT PELAJAR DALAM KITAR SEMULA	33
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA PROJEK KITAR SEMULA ANTARA KDBE WASTE MANAGEMENT DAN NESTLÉ MALAYSIA UNTUK PELANCARAN PROGRAM SELKITAR	34
KUTIPAN TERUS DARI RUMAH! SELKITAR GALAK KOMUNITI KITAR SEMULA	34
MBSJ UJI KECEKAPAN TINDAK BALAS MELALUI LATIHAN PENGUNGSIAN	35
KERJASAMA MBSJ-SELANGORFM TINGKAT KESEDARAN PEMILIKAN LESEN ANJING	36
MBSJ AMBIL TINDAKAN TEGAS ROBOH STRUKTUR TIDAK SAH	36
MBSJ FC JUARA PIALA SUMBANGSIH WANITA FAS 2025	37
LANGKAH KANAN MBSJ FC	37
MBSJ FC MENANG BERGAYA 6-0	38
LAPAN PENAJA RASMI SOKONG HTKSJ SUBANG JAYA	38
LEBIH 2,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN HTKSJ EDISI KEDUA DI SERI KEMBANGAN	39



SIDANG REDAKSI

PENAUANG:

Dato' Amirul Aziz bin Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah
Encik Mohd Fazly bin Naiman



MBSJ KEKAL CEMERLANG! 4 PENSIJILAN BERTARAF ANTARABANGSA DISAHKAN SIRIM



Pelaksanaan Audit Pengawasan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 7 hingga 9 Mei 2025 membuktikan komitmen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam mengekalkan tadbir urus berkualiti, telus dan berintegriti. Audit ini melibatkan



pematuhan terhadap empat pensijilan utama yang digunakan oleh Majlis, iaitu ISO 9001:2015 (Pengurusan Kualiti), ISO/IEC 27001:2022 (Keselamatan Maklumat), ISO 37001:2016 (Antirasuah) dan MS 1900:2004 (Pengurusan Berkualiti Islam). Pengesahan semula terhadap keempat-empat standard ini mencerminkan kecemerlangan sistem pengurusan MBSJ yang setara dengan piawaian antarabangsa.

Majlis pembukaan audit telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ di Laman Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Ketua-ketua Jabatan, Penyelaras Kualiti, Pasukan Inspektorat Kualiti Dalaman (IKD), serta wakil jabatan. Sesi pengauditan diketuai oleh Encik Mohd Shahril bin

Mohd Arshad, Ketua Auditor ABMS merangkap Ketua Auditor Keseluruhan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang mengemudi keseluruhan proses penilaian.

Majlis penutup telah berlangsung pada 9 Mei 2025 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain, Timbalan Datuk Bandar. Kejayaan MBSJ mengekalkan kesemua pensijilan tersebut menyerahkan kecekapan, ketelusan dan kesungguhan organisasi dalam mengamalkan budaya pengurusan berkualiti secara berterusan. Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBSJ atas dedikasi tinggi yang terus memacu kecemerlangan perkhidmatan Majlis ke arah piawaian dunia.



WARGA MBSJ TERIMA PINGAT SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR KE-79



Sekalung tahniah diucapkan kepada warga Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang telah dikurniakan pingat kehormatan sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ke-79 pada 13 Mei 2025. Penganugerahan ini merupakan satu penghormatan besar kepada individu yang telah menunjukkan dedikasi tinggi dalam perkhidmatan awam dan pembangunan negeri.

Pengurniaan pingat ini mencerminkan penghargaan dan pengiktirafan negeri kepada sumbangan warga MBSJ dalam melaksanakan amanah

serta tanggungjawab dengan penuh integriti dan profesionalisme. Kejayaan ini turut mencerminkan prestasi cemerlang organisasi dalam menyokong aspirasi negeri Selangor.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas khidmat bakti serta semangat yang ditunjukkan. Diharapkan pengiktirafan ini menjadi pencetus semangat kepada seluruh warga kerja untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, selaras dengan aspirasi sebuah bandar raya mampan dan berdaya huni.



PASUKAN 2LAS DAN PASUKAN REVENUE PAMER KEHEBATAN INOVASI DALAM PERTANDINGAN AKHIR INOVASI MALA 3.0 - PIALA YB MENTERI KPKT 2024-2025



MBSJ melalui Pasukan 2LAS dan Pasukan Revenue telah berjaya merangkul tempat ke-11 dan ke-12 daripada 30 pasukan yang bertanding semasa Pertandingan Akhir Inovasi MALA 3.0 - Piala YB Menteri KPKT 2024 - 2025 yang telah berlangsung pada 24 dan 25 April 2025 bertempat di Menara MBBJ, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Dalam pertandingan ini, Pasukan 2LAS daripada Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Landskap dan Jabatan Pelesenan MBSJ telah

mengetengahkan inovasi Projek Coco Crush iaitu inovasi pengurusan sisa kelapa manakala Pasukan REVENUE daripada Jabatan Hasil MBSJ telah menampilkan inovasi Sistem i-Data iaitu Sistem Pengurusan Pangkalan Data Maklumat Pelanggan.

Tahniah diucapkan kepada kedua-dua pasukan atas pencapaian ini, dan semoga usaha ini diteruskan pada masa akan datang.



45 PASUKAN SERLAHKAN KEHEBATAN INOVASI DALAM SESI PENILAIAN AWAL AINS 2025



Sesi penilaian awal bagi Anugerah Inovasi Awam Negeri Selangor (AINS) 2025 telah berlangsung dengan jayanya pada 6 Mei 2025 di Lobi Aras 1, Ibu pejabat MBSJ, melibatkan pembentangan daripada 45 pasukan pelbagai latar belakang. AINS 2025 merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang bertujuan menyemai budaya inovasi dalam sektor awam dan komuniti, dengan memberi ruang penyertaan merentas jabatan, institusi pendidikan, agensi swasta dan masyarakat akar umbi. Inisiatif ini menjadi platform penting dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui idea tempatan yang berdaya saing.

Daripada jumlah penyertaan tersebut, sebanyak 14 pasukan mewakili MBSJ, manakala selebihnya terdiri daripada 4 pasukan agensi swasta, 4 pasukan institusi pengajian tinggi, 19 pasukan dari sekolah dan 4 pasukan komuniti akar umbi. Setiap pasukan membentangkan

hasil inovasi masing-masing di hadapan panel penilai profesional dari Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor yang diketuai oleh Puan Ayu Azriati binti Chik Ros. Turut menganggotai panel ialah Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar, Encik Syamsul Khoir bin Md Ridzuan, Puan Norbaini binti Mohamad Zainuddin, Encik Norhisham bin Mamat @ Zakaria dan Puan Hernanie binti Md Yusof.

MBSJ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta atas semangat daya cipta, komitmen dan penyertaan yang cemerlang dalam menjayakan sesi penilaian ini. Penyertaan pelbagai pihak mencerminkan semangat kolaboratif yang kukuh, selaras dengan matlamat AINS untuk memperkasa inovasi sebagai budaya bersama demi pembangunan perkhidmatan awam dan kesejahteraan komuniti secara mampan.



SESI PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2025



Pada 21 April 2025 bertempat di Laman Kenanga, Ibu pejabat MBSJ telah berlangsung Sesi Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2025.

Seramai 9 orang panel dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah hadir ke Ibu pejabat MBSJ bermula jam 2.00 petang bagi menilai sebanyak 3 kriteria penilaian perkhidmatan awam yang profesional, telus, dan berdaya saing demi kesejahteraan warga bandar raya.



Dengan penilaian ini, MBSJ terus memperkukuh komitmennya untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam yang profesional, telus, dan berdaya saing demi kesejahteraan warga bandar raya.



PERSIAPAN RAPI MBSJ SEMPENA AINS 2025



Satu mesyuarat penyelarasan program bagi menghadapi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS 2025) telah diadakan pada 2 Mei 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ dan dipengerusikan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

Para peserta telah diberi taklimat sebagai persediaan buat semua kumpulan yang mengambil bahagian. Dapada keseluruhan penyertaan, sebanyak 14 kumpulan mewakili MBSJ manakala 31 lagi terdiri daripada pelbagai agensi luar di bawah pentadbiran MBSJ.

AINS 2025 yang dijadual berlangsung pada 6 Mei 2025 disertai sebanyak 45 kumpulan, ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk menyemai budaya inovatif dan kreatif dalam tadbir urus sektor awam. MBSJ akan terus mendokong aspirasi ini menerusi penglibatan aktif serta sokongan berterusan terhadap agenda pemodenan perkhidmatan. Komitmen ini membuktikan bahawa inovasi terus menjadi nadi kepada sistem penyampaian yang cekap, responsif dan berdaya saing.





LAWATAN MESRA PERDANA MENTERI SERIKAN PUCHONG



Keprihatinan terhadap rakyat terus dizahirkan apabila YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, mengadakan lawatan mesra ke kawasan Puchong pada 20 Jun 2025. Dalam lawatan tersebut, YAB Perdana Menteri meluangkan masa menjamu selera di Restoran RT, Puchong dan menunaikan Solat Jumaat bersama jemaah di Masjid Kampung Seri Aman.

Ketibaan YAB Perdana Menteri disambut penuh mesra oleh penduduk tempatan yang teruja menyambut kehadiran pemimpin negara secara langsung. Turut hadir menyambut YAB Perdana Menteri ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli

Dewan Negeri Seri Serdang, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Ahli Majlis MBSJ.

Lawatan ini mengukuhkan semangat keterangkuman dan keharmonian sosial dalam

kalangan masyarakat selain mempererat hubungan dua hala antara kerajaan dan komuniti bandar. Kehadiran YAB Perdana Menteri turut mencerminkan kepimpinan berjiwa rakyat yang berteraskan nilai kebersamaan dan kesejahteraan komuniti.



EMPAT INOVASI MBSJ TAMPIL DI PERSADA NEGERI



Komitmen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam memacu kecemerlangan perkhidmatan awam terus diperkukuh menerusi penyertaan dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) 2025 yang berlangsung pada 18 Jun 2025 di Ballroom Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Penyertaan ini mencerminkan usaha berterusan MBSJ untuk meningkatkan daya saing agensi serta memperkukuh budaya inovasi dalam pentadbiran kerajaan tempatan.

Sebanyak empat kumpulan inovasi mewakili MBSJ dalam pertandingan tersebut, iaitu Kumpulan C-FORCE dengan projek Smart C-Box bagi menangani masalah

ketiadaan bekalan elektrik, Kumpulan REVENUE yang membentangkan sistem I-Data, Kumpulan 2LAS dengan inisiatif Pengurusan Aduan Sisa Kelapa Muda (Coco Crush), serta Kumpulan OSCRIAN yang mengetengahkan aplikasi OSC Save My Date. Semua projek ini dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan memudahkan urusan komuniti.

Pertandingan anjuran Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini menjadi platform pengiktirafan kepada pencapaian inovatif sektor awam di peringkat negeri. MBSJ merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat maju jaya kepada semua kumpulan yang bertanding. Semoga usaha ini terus mengangkat martabat inovasi perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cemerlang.



MBSJ DAN PUNB BINCANG KERJASAMA SOKONG USAHAWAN TEMPATAN



U^{saha memperkasa ekonomi setempat terus diperkukuh melalui kunjungan hormat oleh YBhg. Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) ke atas Datuk Bandar Subang Jaya, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim. Kunjungan tersebut telah berlangsung pada 18 Jun 2025 bertempat di Ibu pejabat MBSJ.}

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan pelbagai isu berkaitan pembangunan ekonomi bandar dengan tumpuan khusus kepada usaha memperkasakan golongan usahawan tempatan. Perbincangan turut menyentuh potensi pelaksanaan inisiatif kolaboratif antara MBSJ dan PUNB yang mampu memberikan impak positif kepada komuniti setempat.



Pertemuan ini mencerminkan komitmen bersama untuk membina rangka kerjasama strategik jangka panjang yang menyokong pertumbuhan ekonomi secara mampan dan menyeluruh, sejajar dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan peringkat bandar raya.

MBSJ DAN ANULAE PERKASA TADBIR URUS DAN KEBAJIKAN ANGGOTA



P^{er}kongsian ilmu dan amalan tadbir urus yang baik terus menjadi keutamaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam memperkukuh pengurusan organisasi dan kebaijakan anggota perkhidmatan awam. Pada 18 Jun 2025, MBSJ telah menerima kunjungan rasmi daripada wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANULAE) Kementerian Dalam Negeri (KDN) Negeri Selangor di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Lawatan ini membuka ruang pertukaran maklumat dan pengalaman antara kedua-dua pihak khususnya dalam aspek pengurusan koperasi, kebaijakan kakitangan serta amalan terbaik dalam tadbir urus organisasi. Perbincangan turut menyentuh peranan koperasi sebagai platform sokongan kepada kebaijakan anggota perkhidmatan awam serta

potensi pelaksanaan inisiatif dalaman yang boleh dijadikan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di negeri ini.

MBSJ merakamkan penghargaan atas kunjungan ini dan berharap jalinan hubungan yang terbina dapat diteruskan secara strategik demi kemajuan sektor awam dan pembangunan organisasi yang lebih mampan dan berdaya saing.



29 WARGA MBSJ TERIMA KENAIKAN PANGKAT SECARA RASMI



P^{eng}iktirafan terhadap sumbangan dan prestasi perkhidmatan awam terus dizahirkan apabila seramai 29 warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima surat kenaikan pangkat secara hakiki, *Time-Based* dan Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam satu majlis rasmi pada 18 Jun 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu pejabat MBSJ.

Surat pelantikan disampaikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Pelantikan ini mencerminkan penghargaan pihak pengurusan tertinggi terhadap komitmen, disiplin dan kesungguhan penjawat



awam dalam menyumbang kepada kemajuan organisasi serta mutu penyampaian perkhidmatan bandar raya.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima

dan berharap kenaikan pangkat ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga kerja untuk terus berkhidmat dengan dedikasi, integriti dan profesionalisme demi kesejahteraan penduduk Subang Jaya.



KERJASAMA STRATEGIK TANGANI INFRASTRUKTUR BERISIKO DI SUBANG JAYA



Isu infrastruktur kritikal dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus diberi perhatian menerusi Mesyuarat Isu Infrastruktur Kritikal yang berlangsung pada 16 Jun 2025 di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Mesyuarat ini disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Izham bin Hashim, EXCO Jawatankuasa Tetap Kemajuan Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, bersama barisan kepimpinan MBSJ serta wakil rakyat kawasan.

Antara isu utama yang dibincangkan termasuk keperluan menaik taraf sistem saliran, penyelenggaraan jalan raya serta pengurusan cerun berisiko yang memberi implikasi kepada keselamatan awam. Perbincangan ini turut menekankan keperluan pelan tindakan bersepadu

yang mampan dan responsif demi meningkatkan kesejahteraan penduduk.

Sesi ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ; YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan; YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang; YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; serta Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan agensi teknikal termasuk UPEN, JPS, JKR, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Air Selangor, Koridor Utiliti Selangor dan State Stakeholder Affairs. Usaha bersama ini diharap dapat memperkukuh tadbir urus infrastruktur demi kemudahan dan keselamatan komuniti.



PENYELESAIAN INKLUSIF ISU TEMPATAN MELALUI MESYUARAT LEP-MBSJ



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memperkukuh mekanisme libat urus bersama komuniti melalui penganjuran Mesyuarat Perbincangan Isu Setempat khas bagi kawasan Taman Lestari Putra (LEP), Seri Kembangan pada 10 Jun 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Sesi ini bertujuan merapatkan hubungan dua hala antara Pihak Berkuasa Tempatan dan penduduk setempat demi mewujudkan penyelesaian berasaskan komuniti.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang dan turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan, pegawai MBSJ serta wakil persatuan penduduk Taman Lestari Putra. Antara isu utama yang dibincangkan termasuk aspek kebersihan, keselamatan, infrastruktur awam, penyelenggaraan fasiliti serta penyaluran perancangan pembangunan fizikal dan sosial kawasan berkenaan.

MBSJ berharap platform dialog seperti ini dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui penyertaan awam yang lebih efektif dalam tadbir urus tempatan, sekali gus memupuk tanggungjawab bersama ke arah bandar raya yang lebih lestari, responsif dan berdaya huni.



MBSJ PERKUKUH PERANCANGAN PEMBANGUNAN SERI KEMBANGAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memperkukuh perancangan pembangunan di kawasan Seri Kembangan dengan tumpuan khusus kepada penyusunan semula pembangunan setempat secara mampan dan tersusun. Sehubungan dengan itu, satu sesi perbincangan berkenaan pelan pembangunan di sekitar Olive Hill Business Park dan SK 10 telah diadakan pada 2 Mei 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ.

Turut hadir ialah YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan; YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; Ahli-ahli Majlis Zon Seri Kembangan serta ketua-

ketua jabatan MBSJ. Perbincangan memberi fokus kepada pelbagai isu setempat serta cadangan penambahbaikan infrastruktur bagi memenuhi keperluan komuniti dan menjamin kesejahteraan jangka panjang kawasan tersebut. Lawatan tapak di sekitar Olive Hill Business Park dan SK 10, Seri Kembangan turut diadakan pada 5 Mei 2025 lanjutan daripada mesyuarat yang diadakan pada 2 Mei 2025.

Usaha MBSJ ini mencerminkan iltizam berterusan MBSJ dalam merancang pembangunan yang berfokus komuniti, inklusif dan lestari. MBSJ komited untuk memastikan Seri Kembangan berkembang sebagai kawasan yang berdaya huni, selesa didiami dan selaras dengan aspirasi bandar raya mampan untuk generasi masa depan.



MBSJ BERTINDAK PROAKTIF TANGANI ISU PENDUDUK SERI KEMBANGAN



MBSJ terus melaksanakan pendekatan responsif dengan turun padang bagi meneliti isu-isu komuniti secara langsung. Pada 5 Mei 2025, kawasan sekitar Olive Hill Business Park dan SK 10 di Seri Kembangan telah menjadi lokasi tinjauan susulan beberapa aduan yang diterima daripada penduduk setempat berkaitan persekitaran dan kemudahan awam.

Lawatan tapak tersebut telah diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan. Turut serta ialah Ahli-ahli Majlis Zon Seri Kembangan dan pegawai-pegawai MBSJ yang meneliti secara langsung keadaan sebenar di lapangan serta membincangkan langkah-langkah tindakan susulan yang bersesuaian.

Melalui lawatan ini, MBSJ menzahirkan komitmen dalam memastikan setiap aduan masyarakat ditangani dengan cepat dan berkesan. Pendekatan turun padang ini akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada usaha memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada komuniti secara menyeluruh dan proaktif.



DEMI BANDAR RAYA LEBIH MAMPAN, RTSJ 2035 DITELITI SEMULA



Bagi memperkukuh hala tuju pembangunan Subang Jaya sebagai bandar raya mampan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Kajian Pengubahan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) pada 29 Mei 2025. Bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ, dan turut dihadiri oleh YB Pn. Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, YB Tuan Haji Azli bin Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, serta wakil agensi teknikal dan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

Bengkel ini bertujuan menyelaraskan secara terperinci maklumat dan input antara MBSJ dan agensi teknikal luaran, khususnya berkaitan cadangan baharu



untuk penambahbaikan dokumen Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1). Perbincangan



melibatkan aspek pembangunan fizikal, sosial dan persekitaran bagi memastikan dokumen yang dihasilkan lebih seimbang, menyeluruh dan inklusif.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam menyediakan pelan pembangunan yang berkualiti tinggi, responsif terhadap keperluan semasa, serta sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan sebuah bandar raya



yang menawarkan lebih banyak pilihan dan peluang kepada semua lapisan komuniti. Penyelarasan bersama agensi teknikal turut memperkukuh nilai kerjasama antara jabatan dan menjadi asas kukuh bagi pelaksanaan perancangan jangka panjang yang mampan.



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) MBSJ BUKTI KEPRIHATINAN PENGURUSAN MBSJ



Pengurusan MBSJ sentiasa prihatin dengan kebajikan warganya. Perkara ini dizahirkan dengan pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MBSJ Bil 1/2025 yang telah diadakan pada 24 April 2025.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Turut bersama hadir dalam mesyuarat ini adalah YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ serta Ahli Jawatankuasa MBSJ.

Mesyuarat ini berfungsi sebagai platform bagi membincangkan mengenai cadangan dan inisiatif serta pandangan warga kerja MBSJ.



700 SERTAI SESI TAKLIMAT DAN CABUTAN UNDIAN BAGI PROGRAM *TASK FORCE* TUNGGAKAN CUKAI MBSJ



Seramai 700 orang kakitangan dari pelbagai jabatan dalam MBSJ telah menyertai Sesi Taklimat Dan Cabutan Undian Bagi Program *Task Force* Tunggakan Cukai MBSJ pada 17 April 2025.

Program ini telah berlangsung di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ dan YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ mewakili pengurusan MBSJ turut menghadiri program tersebut.

Program *Task Force* Tunggakan Cukai MBSJ merupakan inisiatif MBSJ dalam usaha meningkatkan kutipan tunggakan cukai sekaligus mengemaskini maklumat pembayar cukai di bawah kawasan pentadbiran Majlis.



INSENTIF PEMANGKIN SEMANGAT WARGA MBSJ IMPLEMENTASI EKSA



Pihak pengurusan MBSJ komited dalam memastikan implementasi EKSA dilaksanakan dengan sebaiknya. Justeru itu, sebanyak 21 wakil jabatan MBSJ telah menerima wang tunai RM1,000.00 yang telah disampaikan semasa Majlis Pemberian Wang Insentif Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MBSJ 2025 pada 28 April 2025.

Wang tunai tersebut telah disampaikan oleh YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ bertempat di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Pemberian wang tunai ini merupakan bayaran pendahuluan sebagai pemberian insentif bagi pelaksanaan EKSA Jabatan MBSJ. Syabas diucapkan kepada semua di atas komitmen dan dedikasi dalam merealisasikan inovasi dan usaha yang berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada komuniti.



PELANTIKAN KONTRAKTOR MBSJ TERUS DILAKSANA SECARA TELUS



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited memperkukuh tadbir urus berintegriti melalui pelaksanaan Majlis Cabutan Undi Kerja-Kerja Kecil, yang berlangsung pada 15 Mei 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ. Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang.

Penganjuran majlis ini bertujuan melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja kecil termasuk pembinaan hentian bas berbumbung secara adil dan terbuka di bawah pentadbiran MBSJ. Proses cabutan undi dilaksanakan secara telus dan disaksikan oleh panel pemerhati yang terdiri daripada Puan Norzalina binti Ramli dan Puan Noorshikin binti Desa dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Cawangan Negeri Selangor, serta Tuan Haji Latif bin Wagiman, Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Selangor dan Tuan Haji Nordin bin Jamil, wakil PKMM.



MBSJ menegaskan bahawa amalan cabutan undi terbuka ini akan diteruskan secara konsisten sebagai pendekatan rasmi dalam pelantikan kontraktor kerja kecil. Usaha ini selaras dengan prinsip keterbukaan, integriti dan akauntabiliti dalam menyampaikan perkhidmatan kepada komuniti bandar raya secara telus dan berkesan.



DBP BENTANG LAPORAN PEMANTAUAN BAHASA DI KAWASAN MBSJ



Penggunaan Bahasa Melayu secara tepat di tempat awam mencerminkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan imej sesebuah bandar raya. Sehubungan itu, sesi pembentangan Laporan Pemantauan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam telah diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 13 Mei 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Sesi ini diketuai oleh Puan Musazliza binti Mustan Shir, Perancang Bahasa, Dewan Bahasa Pustaka, yang membentangkan dapatan hasil pemantauan terhadap penggunaan Bahasa Melayu di tempat awam khususnya di kawasan Subang Jaya dan Puchong yang berada di bawah pentadbiran MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, bersama pegawai-pegawai MBSJ.

Inisiatif ini merupakan langkah proaktif dalam memastikan pematuhan terhadap dasar bahasa kebangsaan di ruang awam kekal utuh dan dihormati. MBSJ akan terus menyokong kerjasama dengan DBP dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu di semua peringkat, khususnya dalam persekitaran bandar yang pesat membangun.



MBSJ SASAR TAHAP KEDUA PENARAFAN BANDAR PINTAR



Sebagai langkah memperkukuh pelaksanaan 35 indikator utama ke arah pencapaian Anugerah Penarafan Bandar Pintar Tahap 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Sesi Bengkel Penyelarasan bertempat di Hotel Glenmarie & Resort Malaysia. Bengkel ini disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, sebagai simbol komitmen Majlis dalam menjadikan Subang Jaya sebuah bandar pintar yang mampan dan progresif.

Program ini dirancang bagi menyelaraskan strategi pelaksanaan dan memperkukuh kerjasama antara agensi-agensi teknikal yang terlibat, antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengangkutan

Jalan (JPJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), serta Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kesepakatan antara agensi ini amat penting dalam memastikan pematuhan indikator yang menyeluruh dan berimpak tinggi.

MBSJ terus komited menjadi peneraju dalam pembangunan bandar pintar melalui pendekatan strategik, berasaskan data dan usaha secara kolaboratif. Pelaksanaan 35 indikator ini diharap dapat melonjakkan Subang Jaya ke tahap seterusnya sebagai sebuah bandar berdaya saing, inovatif dan berdaya huni pada masa hadapan.



LANGKAH PROAKTIF PPAS MENELUSURI AMALAN EKSA DI MBSJ



Denganiltizammemperluasamalan tadbir urus yang sistematik dan persekitaran kerja yang kondusif, sesi lawatan penandaarasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah diadakan bertempat di Ibu pejabat MBSJ pada 13 Mei 2025.

Lawatan ini diketuai oleh Puan Sharifah Nor Ashikin binti Syed Mohd Pital, Penolong Pustakawan merangkap Ketua Unit Kualiti PPAS. Sesi ini memberi ruang untuk perkongsian maklumat serta amalan terbaik berkaitan pelaksanaan EKSA di peringkat MBSJ, khususnya dalam aspek pengurusan persekitaran kerja, penjenamaan korporat dan penglibatan warga organisasi.

MBSJ amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan berharap sesi lawatan ini dapat memberi inspirasi serta idea baharu kepada pihak PPAS dalam membudayakan EKSA secara lebih menyeluruh, berkesan dan konsisten di peringkat organisasi masing-masing.



USAHA BERSAMA PERKASA KESEDARAN KESIHATAN MENTAL



Kesihatan mental yang terabai boleh menjejaskan keselamatan komuniti dan kesejahteraan sosial jika tidak ditangani secara kolektif. Menyedari kepentingan isu ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Taylor's Residence telah menganjurkan Program Kesedaran Kesihatan Mental pada 17 Mei 2025 bertempat di Taylor's Lakeside Campus, Taylor's University. Program ini menghimpunkan pelajar universiti, warga kerja MBSJ serta komuniti Taylor's Residence bagi menyemai kefahaman tentang penjagaan kesihatan mental dalam kehidupan seharian.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Pn. Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan YBhg. Dato' Loy Teik Ngan, Pengerusi Eksekutif Taylor's Education Group. Antara pengisian utama ialah sesi khas bersama Encik Kamal Affandi bin Hashim, Fasilitator dan Penganalisis Jenayah



Malaysia yang mengupas isu kesihatan mental dalam konteks keselamatan dan kesejahteraan komuniti.

Program ini turut mendapat sokongan daripada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan



Masyarakat, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Klinik Kesihatan Kelana Jaya, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Menerusi pendekatan holistik ini, MBSJ terus memperkukuh komitmen dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap kesihatan mental dan membina masyarakat yang lebih prihatin, sihat serta sejahtera.



MBSJ KONGSI PENGURUSAN PRASARANA SUKAN BERSAMA DBKL



Langkah memperkukuh kerjasama strategik antara Pihak Berkuasa Tempatan terus diperkasa apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima kunjungan penandaarasan daripada Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 12 Jun 2025. Inisiatif ini menjadi platform penting untuk merangsang pertukaran ilmu dan amalan terbaik dalam usaha mempertingkatkan tadbir urus fasiliti sukan yang mampan.

Lawatan kerja ini telah diadakan di Kompleks 3C, Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ, dan delegasi diketuai oleh Encik Mohd Yazid bin Rahim mewakili pihak DBKL. Fokus sesi pada kali ini adalah kepada perkongsian pengalaman MBSJ dalam aspek pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti sukan seperti



padang dan stadium, tatacara perolehan serta pendekatan berstruktur yang diaplikasikan oleh jabatan berkaitan. Delegasi turut diberi penerangan mengenai kecekapan operasi dan penyelaras sumber secara dalaman.

Menerusi sesi lawatan ini, diharapkan DBKL dapat mengadaptasi elemen yang bersesuaian untuk keperluan setempat, manakala MBSJ terus komited menjadi rujukan dalam tadbir urus fasiliti sukan bandar. Kerjasama seumpama ini bukan sahaja mengukuhkan jaringan PBT, malah menyokong aspirasi pembangunan prasarana sukan yang lebih cekap, lestari dan berimpak tinggi kepada komuniti.

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK MAIWP-MBSJ BERI NILAI TAMBAH



MBSJ amat berbesar hati menerima kunjungan penandaarasan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ke Ibu pejabat MBSJ pada 21 Mei 2025. Lawatan ini merupakan platform strategik bagi memperkukuh budaya perkongsian ilmu dan tadbir urus berkualiti dalam kalangan organisasi sektor awam.

Delegasi MAIWP telah diketuai oleh Puan Wan Azira binti Wan Salleh, Pengurus Bahagian Khidmat



Pengurusan MAIWP. Sepanjang lawatan, para peserta diberi penerangan menyeluruh mengenai pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di MBSJ, termasuk pendekatan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan keberkesanan pengurusan organisasi.

Menerusi sesi perkongsian ini, diharapkan amalan terbaik yang dipelajari dapat memberi nilai tambah kepada MAIWP dalam memperkukuh keberkesanan pelaksanaan tugas serta mempertingkatkan prestasi pengurusan dalaman. MBSJ komited untuk terus menyokong inisiatif sebegini sebagai usaha membudayakan kerjasama, keterbukaan dan penambahbaikan berterusan dalam tadbir urus sektor awam.





KERJASAMA MBSJ-AADK TANGANI RISIKO DADAH DI TEMPAT KERJA



MBSJ dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling telah menganjurkan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) sebagai sebahagian daripada usaha membina persekitaran kerja yang lebih sihat, selamat dan produktif. Inisiatif ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam menangani isu penyalahgunaan dadah secara proaktif di peringkat organisasi.

Program ini telah disampaikan melalui taklimat bertajuk "Realiti Semasa Penyalahgunaan Dadah dan Substans" oleh Encik Muhamad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah, AADK Daerah

Petaling. Sesi ini bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran kepada warga kerja MBSJ mengenai bahaya penyalahgunaan dadah serta langkah-langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan di tempat kerja.

Dengan penganjuran program seumpama ini, MBSJ terus memperkukuh peranannya dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan mental serta fizikal para pegawai dan kakitangannya. Diharapkan usaha ini dapat membentuk budaya kerja yang lebih sihat, berintegriti dan bebas daripada sebarang ancaman penyalahgunaan substans.

MODUL ANTIRASUAH PERKUKUH INTEGRITI PEGAWAI MBSJ



Peningkatan kesedaran mengenai integriti dan usaha menolak amalan rasuah dalam kalangan pegawai serta kakitangan perolehan dan penguatkuasaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus diperkasa melalui penganjuran Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Anti Rasuah. Program ini telah berlangsung pada 25 Jun 2025 bertempat di Dewan Jasmine, Kinta Riverfront, Ipoh, Perak dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Program dimulakan dengan sesi interaktif "Ada Ke Tiada" yang bertujuan mengesan elemen rasuah dalam organisasi diikuti dengan sesi *Lesson Learned* yang membedah kes-kes rasuah sebenar sebagai pengajaran. Peserta turut mengikuti sesi gamifikasi antirasuah yang memperkenalkan pendekatan baharu dalam mengenal pasti risiko rasuah khususnya dalam proses perolehan. Program ditutup dengan sesi soal jawab yang menyentuh isu seperti kebocoran maklumat perolehan, campur tangan politik, pelantikan tidak telus, pemberian hadiah, tajaan,



komisen dan hubungan rapat dengan pembekal.

Seramai 40 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan MBSJ yang terlibat secara langsung dalam urusan perolehan dan penguatkuasaan menyertai program

ini. Turut hadir ialah Encik Herman bin Musanip, Ketua Unit Integriti MBSJ. MBSJ komited untuk terus melaksanakan program pendidikan integriti secara berterusan sebagai usaha memperkukuh tadbir urus yang bersih dan berakuntabiliti tinggi.





KURSUS GAMIFIKASI PUKUK ETIKA KERJA WARGA MBSJ



Sebagai sebahagian daripada Usaha memperkasa budaya kerja beretika dan profesional dalam kalangan penjawat awam, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah melaksanakan Kursus Etika Kerja dalam Perkhidmatan Awam: Gamifikasi pada 11 dan 12 Jun 2025, dengan penyertaan seramai 42 orang warga kerja dari pelbagai jabatan.

Latihan dua hari ini dikendalikan oleh pegawai dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang menampilkan pendekatan gamifikasi interaktif sebagai medium latihan. Peserta didedahkan kepada modul lapan nilai teras ETOS, merangkumi elemen amanah, tanggungjawab, ketelusan dan akauntabiliti menerusi aktiviti simulasi, permainan serta lakonan situasi yang menyeronokkan dan memberi kesan mendalam.

Pendekatan latihan yang inovatif ini bukan sahaja membantu memperkukuh kefahaman teori etika, malah menggalakkan penghayatan nilai dalam pelaksanaan tugas sebenar. MBSJ komited untuk terus menyemai budaya kerja cemerlang dan menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, telus dan berintegriti, sejajar aspirasi Malaysia Madani dan tadbir urus yang progresif.



MBSJ TEGAS SEMAI BUDAYA KERJA BERINTEGRITI



Penguatan budaya kerja berintegriti dan tadbir urus berakauntabiliti terus menjadi keutamaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam mendepani cabaran perkhidmatan awam masa kini. Menyedari peranan penjawat awam sebagai barisan hadapan pelaksanaan dasar, MBSJ melalui Unit Integriti telah menganjurkan Sesi Bicara Integriti pada 12 Jun 2025, bagi memperkasakan kefahaman nilai moral, etika kerja dan pematuhan peraturan organisasi.

Sesi perkongsian disampaikan oleh Encik Mohd Herman bin Musanip, Ketua Unit Integriti MBSJ, yang membincangkan secara tuntas aspek pelaksanaan pekerjaan luar, dasar pemberian dan penerimaan hadiah, isu salah laku serta skandal tempat kerja, pematuhan tatacara kerja dan bentuk tindakan tatatertib bagi pelanggaran etika. Penyampaian turut merangkumi sesi soal jawab interaktif yang membolehkan peserta mendapatkan penjelasan lanjut serta menyuarakan pandangan secara terbuka dan profesional.



MBSJ DAN ADN BATU TIGA TINJAU ADUAN PENDUDUK DI SHAH ALAM

Sebagai respons terhadap beberapa isu yang dibangkitkan oleh penduduk setempat, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama YB Tuan Danial Al-Rashid bin Haron Aminar Rashid, Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga, Shah Alam telah mengadakan sesi lawatan tapak ke kawasan sekitar Batu Tiga, Shah Alam. Lawatan ini menunjukkan komitmen pihak berkuasa dalam memastikan kesejahteraan komuniti setempat terus diberi keutamaan.

Sesi lawatan yang diadakan pada 21 Mei 2025 ini turut disertai oleh pegawai-pegawai MBSJ bagi meninjau sendiri keadaan di lapangan. Pemerhatian langsung ini membolehkan perbincangan lebih mendalam dijalankan berhubung langkah-langkah penyelesaian yang sesuai terhadap aduan penduduk, termasuk cadangan penambahbaikan prasarana dan pemantauan persekitaran.

Inisiatif turun padang ini mencerminkan semangat kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan wakil rakyat dalam mencari penyelesaian terbaik bagi isu-isu komuniti. MBSJ komited untuk terus memperkukuh jalinan komunikasi bersama penduduk dalam usaha mewujudkan bandar raya yang sejahtera dan responsif.



LIBAT URUS AWAL MBSJ PASTIKAN SUARA KOMUNITI DIDENGAR



Penyertaan awal penduduk dalam proses perancangan bukan sekadar formaliti tetapi menjadi asas kepada pembangunan bandar raya yang lebih bertanggungjawab, telus dan berdaya huni. Menyedari keperluan ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan sesi libat urus bersama penduduk Taman Bukit Serdang pada 17 Jun 2025 bagi membincangkan cadangan pembangunan Pangsapuri Harga Bebas dan Pangsapuri Rumah Selangorku Jenis TRIO di Lot 3150, Jalan BS 5/27, Seri Kembangan, Selangor.

Sesi dialog terbuka yang berlangsung di Dewan Serbaguna MBSJ, Seksyen 13, Seri Kembangan ini menjadi platform penting untuk wakil pemaju, Premierex Sdn. Bhd., membentangkan pelan pembangunan secara terperinci dan mendengar secara langsung pandangan serta kebimbangan penduduk setempat. Antara isu yang diketengahkan termasuk kesan pembangunan terhadap sistem infrastruktur, kemudahan awam serta kesejahteraan komuniti di sekitar kawasan berkenaan.

Turut hadir ialah YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, dan YBrs. Tuan Ismail Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, bersama Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan MBSJ, wakil komuniti dan pemaju. MBSJ komited untuk meneruskan pendekatan libat urus sebagai sebahagian daripada budaya perancangan yang inklusif, telus dan berteraskan kesejahteraan bersama.





SIMPANAN SHARIAH: PILIHAN BIJAK, MASA DEPAN TERJAMIN



Kesedaran terhadap perancangan kewangan patuh syariah dalam kalangan penjawat awam terus diperkasa melalui taklimat khas Simpanan Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 17 dan 19 Mei 2025.

Sesi taklimat yang diadakan di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ ini disampaikan oleh Puan Azirah binti Hisham, Pegawai Penasihat Perhubungan KWSP, kepada warga kerja MBSJ.

Taklimat ini memberi penerangan terperinci mengenai ciri-ciri Simpanan Syariah, termasuk prinsip pelaburan Islamik serta perbezaannya dengan simpanan konvensional. Inisiatif ini bertujuan membantu warga kerja membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dan bersesuaian dengan keperluan individu, sekali gus menyokong kesejahteraan kewangan jangka panjang komuniti kerja bandar raya.

Sebagai pelengkap sesi, KWSP turut menyediakan kaunter pertanyaan khas bagi urusan pendaftaran dan khidmat nasihat secara terus kepada peserta. Usaha bersama ini mencerminkan komitmen MBSJ dan KWSP dalam memperkukuh literasi kewangan beretika serta menyokong penyampaian perkhidmatan yang mesra dan inklusif dalam sektor awam.



SEMINAR PERKASA NILAI MAKNAWI DALAM INSTITUSI PERKAHWINAN



Kesedaran masyarakat terhadap nilai dan tanggungjawab maknawi dalam institusi perkahwinan terus meningkat melalui penganjuran Seminar Pemerkasaan Institusi Keluarga bertajuk "Mengiktiraf dan Menukai Ketetapan Kontrak Maknawi Pernikahan". Seminar ini telah dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 24 Jun 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Program telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, dan menampilkan dua panel jemputan iaitu Ustaz Suhaimi bin Ahmad Wakid dari Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor dan Ustaz

Hafizzudin bin Kadir dari Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Panel mengupas peranan nilai maknawi dalam membina keluarga harmoni serta menekankan tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Sesi dialog dan perbincangan telah dikendalikan oleh Ustaz Mohd Zul Hisham bin Mohd Hassan dari Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat.

MBSJ berharap ilmu yang dikongsikan dalam seminar ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan berkeluarga demi memperkukuh pelaksanaan kontrak maknawi perkahwinan ke arah pembentukan keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang bertanggungjawab.



LAWATAN KERJA MBSJ TELITI AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KREMATORIUM



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited mempertingkatkan pengurusan fasiliti awam melalui lawatan kerja ke Nirvana Memorial Park, Shah Alam pada 24 Jun 2025. Lawatan ini bertujuan meneliti amalan terbaik pengurusan krematorium yang boleh diaplikasikan dalam operasi fasiliti di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan.

Delegasi diketuai Encik Mehanatan a/l Embarmurthi dan Encik Thomas Low Yew Sin Ahli Majlis MBSJ bersama warga Bahagian Pengurusan Pusara dan Krematorium, Jabatan Khidmat Pengurusan. Turut serta ialah wakil Jabatan Penilaian dan

Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Delegasi menerima taklimat oleh Encik Kenny Ng Kok Keng, Senior Executive Nirvana Memorial Park mengenai operasi fasiliti, sistem pengurusan serta pendekatan bersepadu yang digunakan di tapak berkenaan.

MBSJ berharap inisiatif ini dapat membuka peluang bagi adaptasi strategi pengurusan fasiliti yang lebih cekap, sistematik dan lestari demi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam serta kesejahteraan komuniti bandar raya.



KUNJUNGAN MBSJ KE MBI PERKUKUH JALINAN STRATEGIK PBT



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) atas kesudian menerima kunjungan delegasi MBSJ yang diketuai oleh Encik Mohd Herman bin Musanip, Ketua Unit Integriti MBSJ pada 24 Jun 2025. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik dan jalinan kerjasama antara dua agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sempena lawatan tersebut, turut diadakan Kursus Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) yang dilaksanakan dengan

kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya. Kursus ini direka khusus untuk warga kerja MBSJ bagi memperkukuh tadbir urus terbaik serta pembudayaan nilai integriti dalam pelaksanaan tugas harian.

MBSJ komited untuk terus menjalin perkongsian strategik dan memperluas pertukaran ilmu bersama rakan-rakan PBT dalam usaha memperkukuh tadbir urus yang cekap, telus dan berintegriti, selaras dengan moto 'MBSJ Gemilang Bersama'.



CORAT- CORET TRAGEDI KEBAKARAN PAIP GAS PUTRA HEIGHTS



MUSIBAH YANG TAK DIUNDANG

Kebakaran saluran paip gas Petronas pada 8.10 pagi, 1 April 2025 menyebabkan api marak setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius.

Terlalu banyak kemusnahan harta benda yang berlaku akibat insiden ini namun syukur tiada kehilangan nyawa dilaporkan.

MBSJ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus mencurahkan tenaga dan usaha mereka dalam menguruskan bencana ini dengan sebaiknya.

Begitu juga dengan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia yang turut menyalurkan pelbagai bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa terkesan. Pasti kenangan ini akan terpahat selamanya namun kita rakyat Malaysia tetap TEGUH BERSAMA dalam menghadapi apa jua bencana.

PENGLIBATAN AGENSI

Situasi luar biasa ini memerlukan tindakan yang pantas dan tuntas dalam menangani bencana seperti ini. Semua agensi yang terlibat telah memberikan seluruh tenaga dan usaha mereka dalam pengurusan bencana ini. Bantuan segera telah disalurkan melalui koordinasi pelbagai agensi yang merangkumi kerja-kerja pembersihan, keselamatan serta sokongan kebajikan kepada keluarga yang terkesan.



MENYANTUNI MANGSA

Insiden ini telah menggamit pelbagai pihak untuk hadir sendiri melihat keadaan serta menyantuni mangsa yang terlibat.



BANTUAN YANG DITERIMA OLEH MANGSA TERKESAN

1. Majlis Serahan Bantuan Kenderaan Sementara dan Sumbangan kepada Mangsa kebakaran Putra Heights oleh Syarikat Automatif Chery Malaysia
2. Penggantian pasport percuma kepada mangsa insiden kebakaran paip gas di Putra Heights
3. Sumbangan peribadi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim kepada setiap ketua keluarga menerusi Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ).
4. Pengangkutan 5 buah kenderaan ke sekolah disediakan untuk pelajar di Pusat Pemindahan Sementara
5. Majlis Penyerahan Sumbangan Awal kepada mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights bertempat di Dewan Masyarakat Bukit Lanchong.
6. Penyediaan Tong Roro KDEBWM Bagi Kawasan Perumahan Yang Terjejas Akibat Letupan Paip Gas (Fasa 1)
7. Bantuan peralatan pemulihan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
8. Sumbangan kereta dari syarikat Tan Chong kurangkan beban mangsa Putra Heights
9. Alatan melukis & kelengkapan solat dari PEKAWANIS
10. Kit perubatan dari Persatuan Bulan Sabit Merah
11. Majlis Serahan Bantuan 25 buah lagi kenderaan sementara beserta sumbangan wang petrol bernilai RM100 kepada mangsa kebakaran di Putra Heights oleh Syarikat Automatif Chery Malaysia.
12. Airbnb Tawar Penginapan Percuma kepada Mangsa Letupan Paip Gas di Putra Heights.
13. Penjawat awam negeri menyumbang melalui potongan gaji dengan jumlah terkumpul mencecah RM102,050 – tanda kebersamaan tanpa syarat.
14. Geran rumah percuma untuk pemilih sah
15. Bantuan makanan asas sebulan
16. Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) adalah berbentuk powerbank dan laptop serta baucar buku bernilai RM200 selain itu Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) turut menyumbang 100 buah tablet
17. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan peruntukan RM2 juta kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi membaiki infrastruktur awam di kawasan kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya.
18. Sesi Penyerahan Sumbangan Awal (fasa 2) kepada mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Camelia, Putra Heights.
19. MAIS agih wang saku, kotak makanan kepada mangsa Putra Heights Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengagihkan sumbangan keseluruhan sebanyak RM57,876 kepada 234 mangsa yang terjejas insiden kebakaran saluran paip gas Putra Heights. RM35,076 diperuntukkan untuk bantuan kotak makanan kering manakala RM22,800 lagi untuk agihan Fidyah Wang Saku Pelajar.
20. MBI sumbang RM2 juta kepada tabung Selangor Prihatin
21. LPHS buka kaunter rumah sewa buat mangsa Putra Heights
22. Skim Smart Sewa mula menduduki kediaman sewaan tanpa perlu membayar deposit.
23. Tabung Selangor Prihatin kutip RM4.74 juta, negeri komited teruskan pemulihan
24. Sesi Penyerahan Sumbangan YAB Perdana Menteri kepada mangsa bencana kebakaran paip gas di Putra Heights bertempat di Dewan Masjid Putra Heights.



PEMBATALAN MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MADANI 2025

Lanjutan dari pengumuman pembatalan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Negeri Selangor yang dijadualkan pada 6 April 2025 susulan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, makanan dan minuman yang telah disediakan sempena program ini telah diagihkan kepada para mangsa di Pusat Penempatan Sementara (PPS), petugas di lapangan, petugas keselamatan dan petugas media yang telah hadir bertugas.

PENGURUSAN LALU LINTAS PERSIARAN HARMONI, PUTRA HEIGHTS

Penutupan sementara Persiaran Harmoni di mana laluan dari arah LDP ke Putra Heights melalui Persiaran Harmoni akan ditutup bagi mengawal keadaan di lokasi kebakaran paip gas bermula pada 7 April 2025 (Isnin). Manakala dari arah Putra Heights ke LDP (Persiaran Harmoni) turut dijadikan laluan KONTRA untuk kegunaan orang awam.





OPS PEMBERSIHAN MEGA

MBSJ dengan kerjasama Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan 'Ops Mega Pembersihan' selama dua hari bermula pada 12 hingga 13 April 2025 susulan insiden kebakaran paip gas di Putra Heights dan Kampung Kuala Sungai Baru. Majlis perasmian dan pelepasan sukarelawan telah disempurnakan YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Sekitar Mesyuarat bersama Persatuan Penduduk Taman Putra Harmoni, Putra Heights berhubung rumah yang terjejas akibat insiden letupan paip gas di Putra Heights.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Mesyuarat ini diadakan bagi memberikan penjelasan kepada pihak Persatuan Penduduk berhubung proses tuntutan kerja pembaikan kerosakan susulan insiden letupan paip gas di Putra Heights baru-baru ini.



TINDAKAN PANTAS MEMBANTU MANGSA BANJIR



Beberapa kawasan di pentadbiran MBSJ meliputi Kampung Tengah, Kampung Kuala Sungai Baru, dan Kampung Seri Aman, Puchong dikejutkan dengan kejadian banjir awal pagi selepas hujan lebat turun berterusan tanpa henti pada 11 April 2025.

Pasukan PANTAS MBSJ telah bertindak segera dalam menyalurkan

bantuan awal bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin. Selain itu juga, mereka turut membantu mangsa yang terkesan berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna MBSJ (Camelia) Putra Heights, Seksyen 10 di Subang Jaya.



Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor turut menyalurkan bantuan keperluan mangsa bagi memberi keselesaan mereka di PPS seperti susu formula, kain batik, lampin pakai buang, selipar dan tudung sarung.

Selain itu juga, bantuan kaunseling dan psikososial turut disediakan kepada mangsa yang memerlukan.



MBSJ HEBAH INISIATIF PERKASA DAYA TAHAN BANDAR RAYA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima jemputan dari Selangor FM untuk segmen Teh Tarik Kopi O bagi slot BANDAR RAYA KITA.

Pada 30 April 2025 yang lalu, Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ telah hadir ke konti mewakili MBSJ bagi membicarakan mengenai topik "MBSJ Perkasa Daya Tahan Bandar Raya".

Pelbagai informasi menarik mengenai inisiatif MBSJ memperkasa daya tahan Bandar Raya serta informasi mengenai perkhidmatan MBSJ telah dikongsi kepada pendengar semasa segmen berlangsung.

Adalah diharapkan perkongsian ini dapat memberi inspirasi serta pengetahuan kepada pendengar dalam mendepani ketidak tentuan keadaan pada masa kini.



SISTEM PEMANTAUAN ARAS AIR MBSJ

Bagi memudahkan perancangan perjalanan dan mengetahui situasi terkini keadaan banjir kilat terutamanya ketika musim tengkujuh, orang ramai boleh menyemak situasi paras aras air di bawah kawasan MBSJ dengan mudah melalui sistem pemantauan aras air banjir di kawasan berpotensi banjir melalui pautan

<https://pair.mbsj.gov.my>

Sila Imbas Kod QR

Justeru itu, orang ramai diminta untuk peka dengan maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini oleh Pihak Berkuasa.

MBSJ PERKENAL APLIKASI PANTAU ARAS AIR



Sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi bencana Monsun Timur Laut, MBSJ telah memperkenalkan aplikasi Sistem Pemantauan Aras Air MBSJ sebagai langkah awalan persiapan menghadapi bencana banjir.

Aplikasi Sistem Pemantauan Aras Air MBSJ ini merupakan usaha berterusan MBSJ dalam menambah baik perkhidmatan MBSJ dengan meningkatkan kesiapsiagaan komuniti MBSJ terhadap risiko banjir.

Melalui sistem ini, orang awam boleh memantau paras air di 10 lokasi berisiko banjir secara masa

nyata melalui pautan: <https://pair.mbsj.gov.my>.

Sistem ini memaparkan 3 tahap amaran iaitu:
Tahap 1 (Kuning) – Berjaga-jaga
Tahap 2 (Oren) – Amaran
Tahap 3 (Merah) – Bahaya

Semoga aplikasi yang diperkenalkan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh komuniti sebagai langkah awalan menghadapi bencana banjir. Bagi melaporkan sebarang aduan kecemasan dan bencana di kawasan pentadbiran MBSJ, orang ramai boleh hubungi Pusat Operasi PANTAS MBSJ di talian 03-8024 7700.



WARNA-W

AKTIVITI MPP BULAN

APRIL

MPP ZON 2



19.4.2025 (SABTU)

**PROGRAM
JAMUAN HARI
RAYA**

PANGSAPURI
INDAH COURT
PJS 9

MPP ZON 3



27.4.2025 (AHAD)

**KARNIVAL
KESIHATAN
SEMPENA
SAMBUTAN
WORLD HEALTH**

WISMA TNB
TAIPAN, USJ 10

MPP ZON 4



20.4.2025 (AHAD)

**HARI BUMI
SEDUNIA**

PANGSAPURI
ANGSANA, USJ 1

MPP ZON 10



3.4.2025
(KHAMIS)

PROGRAM YOGA

DEWAN MBSJ
JALAN BELATOK

MPP ZON 12



16.4.2025 (RABU)

**PROGRAM MESYUARAT
MPP 12 DAN
MAHASISWA UPM**

BREWDAT COFFEE

MPP ZON 13



20.4.2025 (AHAD)

**JUALAN EHSAN
RAHMAH**

PADANG IWK,
PADANG PUCHONG
PERDANA

MPP ZON 13



15.5.2025
(KHAMIS)

**PROGRAM
SENTUHAN
HARAPAN**

BLOK H,
PANGSA
PERDANA

MPP ZON 14



17.5.2025
(SABTU)

**PROGRAM
KLINIK BOLA
SEPAK BUDAK
PUCHONG FC**

PADANG
PUCHONG
INDAH

MPP ZON 15



4.5.2025
(AHAD)

**JAMUAN
TERLAJAK
RAYA**

PANGSAPURI
COURT 1

MPP ZON 19



21.6.2025 (SABTU)

**PROGRAM GOTONG
ROYONG CEGAH DENGGI**

PANGSAPURI MAWAR JAYA

MPP ZON 20



8.6.2025 (SABTU)

**KENDURI RAKYAT
AIDILADHA**

TAMAN TASIK SRI
SERDANG

JUN

MPP ZON 24



14.6.2025 (SABTU)

PROGRAM HARI BAPA

PASAR PAGI TAMAN
SG BESI INDAH

MPP ZON 5



22.6.2025 (AHAD)

**GOTONG ROYONG MPP
ZON 5**

TAMAN BATU 3

ARNI KOMUNITI

APRIL • MEI • JUN 2025

MPP ZON 6



4.4.2025 (JUMAAT)
KELAS AGAMA HINDU
SMK USJ 23

MPP ZON 14



7.4.2025 (ISNIN)
**PROGRAM ZIARAH BENCANA
POKOK TUMBANG**
PANGSAPURI BLOK F5-F8

MPP ZON 21



7.5.2025 (SABTU)
**PROGRAM NATURE
EXPLORER**
KEBUN KOMUNITI
TMN UNIVERSITI
INDAH

MPP ZON 9



11.5.2025 (AHAD)
**PROGRAM TOTAL
BODY TONING**
BALAI
MASYARAKAT
TAMAN SRI
PUCHONG

MPP ZON 24



27.5.2025 (SELASA)
**JOM CERGAS LINE
DANCE**
BALAI MASYARAKAT
TSBI 2

MPP ZON 18



17.5.2025 (SABTU)
**PROGRAM PERMAINAN
BOLA SEPAK REMAJA**
PADANG BK 3

MPP ZON 22



12.6.2025 (KHAMIS)
**PROGRAM WUDONG
SERDANG**
SJK(C) SERDANG
BARU

MPP ZON 23



14.6.2025 (SABTU)
**BENGKEL MEMBUAT
VIDEO PENDEK**
PORTMAN COLLEGE

MPP ZON 7



2.6.2025 (ISNIN)
**PROGRAM TAKLIMAT
DENGGI DAN GOTONG
ROYONG**
JALAN IKAN KELI, KG
BUKIT LANCHONG

MPP ZON 11



15.6.2025 (AHAD)
**AKTIVITI RIANG RIA BERSAMA
KANAK-KANAK**
PADANG BUKIT KUCHAI

MEI

PET ADOPTION CARNIVAL BUKA PELUANG KEDUA UNTUK HAIWAN JALANAN



Komitmen terhadap kebajikan haiwan terus diperkukuh menerusi penganjuran program *Pet Adoption Carnival* yang bertujuan menyemai kesedaran masyarakat mengenai isu haiwan jalanan dan terbiar. Inisiatif ini sekaligus menggalakkan amalan pengambilan haiwan angkat (*adoption*) sebagai langkah berkesan untuk mengurangkan populasi haiwan terbiar dan memastikan kebajikan haiwan terus terpelihara.

Program ini telah berlangsung pada 18 Mei 2025 di PARC, Jalan SS12/1, Taman Subang Ria, Subang Jaya dan disempurnakan oleh YB Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Ia merupakan kerjasama erat antara MBSJ, PARC, Yayasan Sime Darby, Epic, Pawtarian dan Society For The Prevention of Cruelty To Animals (SPCA).

Menerusi program seumpama ini, MBSJ terus memperkukuh usaha mewujudkan bandar raya berperikemanusiaan yang prihatin terhadap nasib haiwan. Penganjuran ini diharap menjadi pencetus kepada lebih banyak inisiatif komuniti bagi menyokong pemeliharaan haiwan serta membentuk budaya masyarakat yang penyayang dan bertanggungjawab.



CUNGKIL BAKAT BARU MELALUI MYSKILLS COMPETITION



Bakat-bakat baru pendandan rambut dapat dicungkil semasa berlangsungnya *MySkills Competition* yang telah dilaksanakan hasil kolaborasi strategik MBSJ bersama Pertubuhan Pembangunan Kemahiran Pendandan Rambut (HSDO).

Program yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 19 dan 20 April 2025 bertempat di Pusat Membeli Belah The Summit Subang Jaya berjaya menarik minat penonton untuk menyaksikan dua kategori pertandingan iaitu Terbuka dan Perantis / Pelajar Agensi Kerajaan dan Swasta (Berusia 21 Tahun ke bawah).

Program ini bertujuan mempromosikan latihan kemahiran melalui kempen kesedaran di peringkat nasional dengan jenama *MySkills* serta memberi peluang kepada peserta untuk menunjukkan bakat dalam pelbagai bidang kemahiran khususnya dalam industri pendandan rambut.

Program ini turut melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Institut Kemahiran Negara (IKBN), Kolej Komuniti (KK) dan Pusat Latihan Swasta.




PERTINGKAT PENGETAHUAN MELALUI PEMBACAAN



Syabas kepada semua warga MBSJ yang telah menjayakan Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit secara serentak tahun 2025 yang telah diadakan pada 23 April 2025.

Program ini turut disertai oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta pengurusan tertinggi MBSJ.

Semoga inisiatif ini terus menyemai budaya membaca dan memupuk rasa cinta terhadap ilmu dalam kalangan warga MBSJ selaras dengan aspirasi membentuk perkhidmatan awam yang berilmu, beretika dan progresif.



INSIDEN PAIP GAS: MBSJ TUBUH KAUNTER TUNTUTAN KHAS



Sebagai langkah membantu pemilik rumah yang terjejas susulan insiden paip gas pecah di Putra Heights, MBSJ telah menubuhkan Kaunter Khas Tuntutan Bayaran Pembaikan Kecil bagi memudahkan urusan pemprosesan permohonan yang melibatkan nilai pembaikan RM30,000 dan ke bawah.

Kaunter ini dibuka bermula pada 6 Mei sehingga 28 Oktober 2025 dan akan beroperasi setiap hari Selasa sahaja dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di perkarangan Lobi Ibu pejabat MBSJ. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut meninjau operasi kaunter yang berlangsung serta telah menyantuni pegawai bertugas.



Pemilik rumah yang terlibat disarankan hadir pada waktu yang ditetapkan dengan membawa dokumen sokongan yang lengkap bagi melancarkan proses semakan dan tuntutan.

MBSJ komited memastikan bantuan disalurkan secara cepat, cekap dan mesra rakyat demi menjaga kebajikan penduduk Putra Heights yang terkesan.

DUYUFURRAHMAN MBSJ DIRAI PENUH DOA DAN PENGHARGAAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Majlis Doa Selamat sempena merayakan warga kerja yang bakal menunaikan ibadah haji tahun 1446 Hijrah. Majlis penuh kesyukuran ini berlangsung pada 14 Mei 2025 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir ialah Ketua-ketua Jabatan serta ahli-ahli AKRAB MBSJ.

Penganjuran majlis ini merupakan tanda sokongan moral dan penghargaan kepada Duyufurrahman MBSJ yang terpilih menunaikan rukun Islam kelima. Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan ikhlas daripada AKRAB MBSJ sebagai simbol ingatan dan restu kepada bakal jemaah haji.

Seluruh warga MBSJ mendoakan agar para jemaah diberikan kesihatan yang baik, perjalanan yang lancar serta mendapat haji yang mabrur. Semoga

keberangkatan mereka menjadi inspirasi kepada warga Majlis untuk terus menyemai nilai amanah, ihsan dan integriti dalam perkhidmatan kepada masyarakat.



IBADAH KORBAN SEMARAK NILAI KEIKHLASAN DAN UKHUWAH WARGA MBSJ



Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban pada 8 Jun 2025 bertempat di Surau An-Nur, Jalan TP2, Taman Perindustrian UEP, Subang Jaya. Program tahunan ini bertujuan menyemarakkan nilai keikhlasan, pengorbanan dan kebersamaan dalam kalangan warga kerja serta komuniti setempat.

Sebanyak 9 ekor lembu telah dikorbankan dalam majlis tersebut. Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan), yang turut melaksanakan ibadah korban. Turut hadir YBrs. Tuan Ismail bin Salim,

Timbalan Setiausaha MBSJ, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis MBSJ (Zon 4), para pengarah serta pegawai MBSJ. Lebih 130 sukarelawan warga MBSJ turut berganding bahu menjayakan program dengan semangat gotong-royong yang tinggi.

MBSJ berharap semangat pengorbanan, ukhuwah dan tolong-menolong yang dizahirkan dalam majlis ini dapat terus diamalkan dalam kehidupan seharian, seterusnya memperkukuh perpaduan komuniti serta nilai murni dalam perkhidmatan bandar raya.





BANTUAN PEMULIHAN KEPADA PENIAGA TERJEJAS ERATKAN SOLIDARITI KOMUNITI



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) komited dalam menyokong pemulihan ekonomi komuniti dan ianya diterjemahkan melalui penyaluran bantuan kepada peniaga kecil yang terlibat dalam insiden kebakaran di Tapak Penaja The Roundabout@Putra Heights pada 11 Februari 2025. Inisiatif ini membuktikan keprihatinan dan tindakan segera MBSJ serta Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kelangsungan perniagaan rakyat dapat dipulihkan secara menyeluruh.

Majlis penyerahan sumbangan telah diadakan pada 13 Jun 2025 dan telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; YBrs. Puan Siti Nur Hazwani Md Sabudin, Pengarah Projek PLATS; Encik Safaruddin bin Samsuddin, Pengarah Wilayah Agrobank; Ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBSJ. Sebanyak RM13,450.00 bantuan tunai telah disalurkan oleh MBI kepada 23 peniaga terjejas, manakala Agrobank menyumbang 35 unit kanopi dan 60 unit payung bagi menyokong pemulihan operasi perniagaan.

Majlis turut diserikan dengan pendedaran 300 kupon digital PLATS bernilai RM10 kepada pengunjung terawal sebagai insentif pembelian dan galakan sokongan kepada peniaga tempatan. Pertunjukan Supercar 50 turut menarik perhatian, memberi peluang kepada pengunjung untuk berinteraksi dan bergambar bersama koleksi

kereta mewah. MBSJ yakin pendekatan inklusif dan proaktif seperti ini akan terus memperkasa ekonomi setempat serta memperkukuh solidariti komuniti, seiring dengan aspirasi "MBSJ Gemilang Bersama" dan nilai Malaysia Madani.



PERPUSTAKAAN PUCHONG BAKAL JADI PUSAT AEROANGKASA!



YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Hipermedia MBSJ Puchong pada 28 Mei 2025 bagi menilai kesesuaian dan potensi fasiliti ini untuk dibangunkan sebagai Perpustakaan Aeroangkasa Negeri Selangor.

Lawatan ini bertujuan meninjau infrastruktur sedia ada serta menilai keperluan pembangunan semula fasiliti perpustakaan bagi menyokong aspirasi baharu kerajaan negeri dalam menjadikan Selangor sebagai hab ilmu dan teknologi berteraskan aeroangkasa. Perpustakaan ini berpotensi menjadi pusat rujukan dan pembelajaran komuniti dalam bidang berimpak tinggi.

Usaha ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkukuh infrastruktur ilmu pengetahuan dan memperluas akses kepada



sumber teknologi serta inovasi khususnya dalam sektor aeroangkasa. MBSJ komited untuk menyokong agenda pembangunan negeri melalui penyediaan kemudahan awam berorientasikan masa depan dan kemajuan teknologi.



FABRIK CETAKAN FLORA TEMPATAN TARIK PELUANG KOMERSIAL



Kreativiti komuniti Subang Jaya terus berkembang melalui pendekatan lestari apabila teknik cetakan semula jadi atau *eco-print* yang memanfaatkan flora tempatan berjaya mencuri perhatian peserta dalam bengkel kreatif anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM). Program dua hari ini berlangsung pada 14 dan 15 Jun 2025 bertempat di Kompleks 3C, Taman Bandar Sunway.

Teknik *eco-print* yang diperkenalkan dalam bengkel ini melibatkan penggunaan daun dan bunga tempatan untuk menghasilkan corak menarik pada fabrik, sekali gus bebas daripada bahan kimia berbahaya. Selain itu, pendekatan ini membuka peluang kepada peserta untuk menghasilkan produk kreatif yang unik serta

berpotensi dikomersialkan, membantu menjana pendapatan tambahan bagi komuniti setempat.

Latihan ini dikendalikan oleh Dr. Irwan Shah bin Mat Yusoff, pensyarah dan pengkaji tekstil dari UPM, dengan sambutan menggalakkan daripada penduduk Subang Jaya. Peserta diberikan panduan lengkap bermula daripada pemilihan flora yang sesuai, proses penyediaan fabrik sehingga penghasilan corak yang unik secara semula jadi. Kerjasama strategik antara MBSJ dan UPM melalui Siri Ketiga Usahasama Lanjutan ini turut disokong oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, sekali gus memperkukuhkan aspirasi bandar raya untuk menjadi komuniti lestari yang berdaya huni dan kreatif.



MENDALAMI ESG DALAM USAHA MELESTARIKAN BANDARAYA



Komited dalam memastikan pembangunan bandaraya seiring dengan kelestarian alam sekitar, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Kursus Pengenalan Environment Social and Governance (ESG) pada 30 April 2025.

Program yang berlangsung di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut serta Ketua-ketua Jabatan, penyelaras kualiti serta wakil-wakil jabatan MBSJ.

Kursus ini diadakan dengan matlamat memberi pendedahan serta pengetahuan asas kepada warga kerja MBSJ berkaitan kepentingan prinsip ESG dalam pengurusan organisasi yang lestari. Taklimat mengenai ESG ini telah disampaikan oleh Encik Saiful Nizam bin Jasni daripada SIRIM Academy Sdn. Bhd.

ESG merupakan singkatan bagi *environment* (alam sekitar), *social* (sosial), dan *governance* (tadbir urus). ESG boleh dirujuk sebagai rangka kerja yang berpotensi membantu organisasi melaksanakan projek R&D dan dalam masa yang sama memberi keutamaan terhadap penjagaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus.



KOMUNITI SUBANG JAYA BANGKIT URUS E-SISA



Komitmen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar diterjemahkan melalui penganjuran Program Kesedaran Kitar Semula dan Kutipan E-Sisa yang berlangsung pada 14 Jun 2025. Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Nestlé Malaysia dan KPT Recycle, bertempat di Tapak Penjaja PUJ

3/10, Taman Puncak Jalil, bagi menyemai amalan lestari dalam kalangan komuniti tempatan.

Program ini membuka ruang kepada penduduk setempat untuk memahami kepentingan pengurusan sisa elektronik (e-sisa) secara bertanggungjawab. Majlis perasmian disempurnakan oleh Encik Mehanatan a/l Embamurthi, Ahli Majlis Zon 18, bersama Puan Ts. Azura binti Mohd Don, Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ. Selain aktiviti pameran dan kutipan e-sisa, turut diadakan Program



Pembersihan Awam melibatkan beberapa lorong belakang komersial di sekitar PUJ 3.

Inisiatif ini diyakini mampu menyemai kesedaran berterusan terhadap kepentingan amalan hijau dalam kehidupan seharian. MBSJ komited untuk memperkukuh kerjasama

antara komuniti, sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan demi mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, selamat dan mampan untuk warga bandar raya.



PROGRAM SEKOLAH TEROKA KITAR SEMULA DI GALERI 3C



Pemupukan budaya lestari dalam kalangan generasi muda terus digiatkan melalui pelaksanaan Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar Sekolah anjuran MBSJ yang menyasarkan komuniti sekolah. Inisiatif ini diadakan bagi mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap kepentingan amalan kitar semula serta impaknya terhadap kelestarian alam sekitar.

Program ini telah berlangsung pada 15 Mei 2025 bertempat di Galeri Kitar Semula, Kompleks 3C MBSJ dengan penyertaan para guru dan pelajar dari Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar. Antara pengisian menarik yang dijalankan termasuk taklimat kesedaran dan pendidikan alam sekitar, kuiz interaktif, aktiviti pengasingan sisa, kitar semula kotak minuman, cabaran *Whisperer Challenge* serta sesi melukis permainan dam ular menggunakan banner terpakai.

Semoga pendedahan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang program ini mampu menyemai rasa tanggungjawab dalam kalangan murid terhadap penjagaan alam sekitar serta menggalakkan amalan hijau secara berterusan dalam kehidupan seharian mereka.



AGENDA RENDAH KARBON DIPERKASA MELALUI SESI TEACH-IN ANJURAN MBSJ



Usaha memperkukuh kerjasama rentas sektor ke arah pembangunan bandar raya rendah karbon diteruskan menerusi penganjuran Sesi *Teach-In* Anugerah Industri Rendah Karbon MBSJ dan Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Program ini telah diadakan selama dua hari pada 11 sehingga 12 Jun 2025 di Espira Kinrara, Bandar Kinrara.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MBSJ. Program melibatkan penyertaan aktif pegawai-pegawai MBSJ dan wakil daripada komuniti, institusi pendidikan serta sektor industri termasuk wakil dari Masjid Al-Falah USJ 9, Flora Development Sdn. Bhd. (IOI Group), Perumahan Kinrara Berhad dan Subang Jaya Medical Centre (SJMC). Sesi taklimat dikendalikan oleh panel profesional dari Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan Sustainable Energy Development Authority (SEDA), yang berkongsi amalan terbaik serta pendekatan inovatif dalam pembangunan bandar rendah karbon.

MBSJ berharap inisiatif ini dapat meningkatkan kefahaman teknikal dalam kalangan peserta dan menyemarakkan kerjasama pelbagai pihak dalam pelaksanaan agenda hijau bandar raya. Langkah ini sejajar dengan komitmen Subang Jaya untuk menjadi perintis bandar rendah karbon yang mampan dan berdaya tahan menjelang masa hadapan.





MBSJ REJUVENASI PENDEKATAN RAIH MINAT PELAJAR DALAMI KITAR SEMULA



Melentur buluh biarlah dari rebung. Pepatah ini jelas menerangkan mengenai matlamat MBSJ dalam usaha memberi pendidikan dan kesedaran kepada pelajar sekolah mengenai kepentingan melestarikan alam sekitar. Dengan pendekatan yang interaktif serta menarik, ianya telah berjaya meningkatkan minat serta pengetahuan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Utama yang telah hadir ke Galeri Kitar Semula, Kompleks 3C MBSJ pada 30 April 2025 yang lalu.

Program Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar Sekolah ini merupakan olahan idea MBSJ dalam merejuvinasikan pendekatan Majlis

dalam penyampaian informasi kepada pelajar. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya seperti taklimat kesedaran dan pendidikan alam sekitar, kuiz interaktif serta aktiviti di Galeri Alam Sekitar-Tetra Pak Malaysia. Di kesempatan ini juga, para pelajar turut didedahkan dengan pemprosesan kompos dan DIY pallet kayu.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui sesi lawatan ini akan memberi manfaat terutama dalam aspek kepentingan menjaga alam sekitar kepada semua pelajar yang terlibat.

ILMU KITAR SEMULA TARIK MINAT PELAJAR



Kesedaran alam sekitar terus dipupuk dalam kalangan generasi muda melalui Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar Sekolah anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 16 Jun 2025. Program ini melibatkan pelajar Sekolah Agama Menengah Bestari (SAMBest) dan diadakan di Galeri Kitar Semula, Kompleks 3C.

Pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan, antaranya pembuatan lilin beraroma, eksperimen Say No to Litmus, penghasilan agen penyahbau daripada hampas kopi, serta penghasilan rak DIY daripada palet kayu terpakai. Sukarelawan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut bertindak sebagai fasilitator.

Melalui program ini, pelajar bukan sahaja mempelajari ilmu baharu, malah didedahkan dengan nilai kelestarian dan tanggungjawab terhadap alam sekitar sejak dari bangku sekolah, seiring usaha MBSJ memperkasa komuniti berdaya hijau.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA PROJEK KITAR SEMULA ANTARA KDEB WASTE MANAGEMENT DAN NESTLÉ MALAYSIA UNTUK PELANCARAN PROGRAM SELKITAR



Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Projek Kitar Semula antara KDEB Waste Management dan Nestlé Malaysia untuk pelancaran Program SELKitar telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam pada 23 April 2025.

Turut hadir ialah YB Puan Jamaliah Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor, YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah KDEB Waste Management Sdn. Bhd, Tuan Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato'

Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ serta Puan Ts. Azura binti Mohd Don, Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ.

Kerjasama ini adalah inisiatif utama dalam Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu di bawah Projek SAVE iaitu salah satu program Tanggungjawab Pengeluaran Lanjutan (EPR) sukarela terbesar di Malaysia.

Diharapkan kolaborasi ini dapat meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan pengurusan sisa pepejal dan menyumbang ke arah pembentukan komuniti hijau yang lebih mampan di bawah pentadbiran MBSJ.



KUTIPAN TERUS DARI RUMAH! **SELKITAR** GALAK KOMUNITI KITAR SEMULA



Sisa plastik yang tidak diurus dengan betul menyumbang kepada pencemaran dan beban tapak pelupusan, sekali gus menjejaskan kelestarian bandar. Menyedari keperluan mendesak ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyokong pelaksanaan Program SELKitar: Kitar Semula Kaedah Pintu ke Pintu, hasil inisiatif kolaboratif antara KDEB Waste Management dan Nestlé Malaysia bagi kawasan pentadbiran MBSJ.

Satu sesi taklimat program telah diadakan pada 13 Mei 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu pejabat MBSJ dan dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Program ini memperkenalkan sistem kutipan bahan kitar

semula secara terus dari kediaman, yang telah mula dilaksanakan sejak tarikh tersebut. Inisiatif ini turut menggalakkan amalan pengasingan bahan boleh kitar semula daripada sisa domestik serta membantu mengurangkan aliran sisa plastik ke tapak pelupusan.

MBSJ komited menyokong pelaksanaan

Program Selangor Kitar Semula (SELKitar) sebagai sebahagian daripada usaha memperluas kesedaran dan penglibatan komuniti terhadap kitar semula. Pendekatan ini memperkukuh agenda kelestarian bandar raya melalui pengurusan sumber secara mampan dan berkesan, ke arah Subang Jaya yang rendah karbon dan lebih mesra alam.





MBSJ UJI KECEKAPAN TINDAK BALAS MELALUI LATIHAN PENGUNGSIAN



Kecekapan tindak balas dalam menghadapi situasi kecemasan menjadi elemen penting keselamatan sesebuah organisasi. Justeru itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat SS17, Subang Jaya telah melaksanakan Latihan Pengungsian Bangunan

pada 24 Jun 2025 bertempat di Ibu pejabat MBSJ.

Latihan ini diketuai oleh Encik Eddyward Anak Sunus, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat SS17, dan melibatkan penyertaan Pengurusan Tertinggi MBSJ, warga kerja serta

pelanggan yang berada di lokasi semasa latihan berlangsung. Selain simulasi pengungsian, pihak bomba turut menyampaikan taklimat keselamatan serta mengadakan demonstrasi penggunaan alat pemadam api sebagai pendedahan awal kepada aspek pengurusan risiko kebakaran.

MBSJ merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan latihan ini. Pelaksanaan latihan secara berkala diyakini dapat meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan keupayaan tindak balas pantas dalam situasi kecemasan demi kesejahteraan dan keselamatan komuniti serta persekitaran kerja.



KERJASAMA MBSJ-SELANGORfm TINGKAT KESEDARAN PEMILIKAN LESEN ANJING



Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mematuhi peraturan lesen anjing menunjukkan peningkatan hasil usaha bersepadu antara Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan media tempatan, SELANGORfm. Menerusi segmen siaran langsung 'Bandaraya Kita' yang disiarkan pada 25 Jun 2025, MBSJ berjaya menyampaikan mesej penting ini secara meluas dan berkesan kepada komuniti.

Topik perbincangan bertajuk 'Lesen Anjing Bukan Pilihan Tapi Peraturan' telah memberikan penjelasan yang jelas berhubung tanggungjawab pemilik haiwan peliharaan dan peraturan yang perlu dipatuhi. MBSJ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada SELANGORfm atas ruang liputan yang diberikan. Siaran penuh boleh ditonton semula melalui akaun Facebook SELANGORfm di pautan rasmi: <https://bit.ly/mbsjsfm>

Kerjasama ini mencerminkan komitmen MBSJ untuk memperkukuh hubungan strategik bersama pihak media dalam usaha mendidik masyarakat serta meningkatkan tahap kesedaran awam ke arah pembentukan bandar raya yang lebih teratur, selamat dan harmoni.



MBSJ AMBIL TINDAKAN TEGAS ROBOH STRUKTUR TIDAK SAH



Langkah tegas diambil bagi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam apabila operasi merobohkan struktur garaj kereta haram di atas rezab jalan awam di Jalan BS 2/9, Taman Bukit Serdang Seksyen 2, Seri Kembangan telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada 24 Jun 2025.

Operasi bersepadu ini melibatkan kerjasama Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Jabatan Penguatkuasa MBSJ bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari IPD Serdang dan Balai Polis Bukit Serdang. Pelaksanaan ini bertujuan mengawal selia pembangunan serta memastikan kawasan rezab jalan kekal bebas daripada pencerobohan yang boleh menjejaskan kelestarian dan keselamatan bandar raya.

MBSJ menegaskan bahawa sebarang pembinaan struktur haram di atas tanah awam adalah satu kesalahan dan tindakan undang-undang akan dikenakan. Orang awam diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan demi menjaga keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan komuniti bandar.





MBSJ FC JUARA PIALA SUMBANGSIH WANITA FAS 2025



MBSJ FC mencipta sejarah apabila muncul Juara bagi Piala Sumbangsih Wanita FAS yang dianjurkan buat julung kalinya pada 13 April 2025 yang lalu bertempat di Stadium MPAJ, Ampang, Selangor.

Dalam perlawanan kali ini, MBSJ FC telah menentang MBPJ FC dan berjaya menewaskan mereka dengan jaringan gol 8 – 0. Perlawanan kali ini memperlihatkan mutu permainan wanita yang semakin berkembang di Selangor.

Intan Sarah Anisah Zulgaflil dari pasukan MBSJ FC tidak membazir peluang yang terbuka dengan

menyumbat jaringan gol seawal minit kedua dan Intan Sarah terus membolosi gol lawan pada minit ke-21.

MBSJ FC meneruskan kecemerlangan di babak kedua perlawanan dengan menjanginkan enam lagi gol iaitu dua gol daripada Afrina Zahar iaitu pada minit ke-39 dan 65, Dian Aqilah dan Lee Xin Yi masing-masing mencetak satu jaringan sebelum Intan Sarah melengkapkan hatrik pada minit ke-56 dan terus menutup peluang buat MBPJ selepas dia mencetak gol keempat peribadinya pada minit ke-61.



LANGKAH KANAN MBSJ FC



MBSJ FC membuka tirai Liga FAS Super dengan penuh bergaya apabila berjaya menundukkan juara Selangor Champion League 2024 iaitu pasukan Teleflow FC dengan jaringan 1 – 0 pada 20 April 2025.

Perlawanan yang berlangsung pada jam 4.30 petang bertempat di Radia Arena B, Bukit Jelutong ini mempersembahkan perlawanan yang cukup sengit serta bertenaga dari kedua-dua pihak.

Syabas diucapkan dan semoga langkah kanan ini diteruskan bagi perlawanan seterusnya.



MBSJ FC MENANG BERGAYA 6-0



MBSJ FC menang bergaya apabila berjaya menewaskan pasukan Mixstar FC dengan jaringan gol 6-0 dalam perlawanan FAS Women's Super League 2025 pada 20 April 2025 yang lalu.

Perlawanan ini telah berlangsung pada jam 9.30 malam bertempat di Stadium MPAJ, Ampang Jaya dan ianya juga disiarkan secara langsung menerusi laman sesawang,

Facebook dan YouTube rasmi Persatuan Bolasepak Selangor.

Pelbagai aksi menarik telah dipersembahkan oleh MBSJ semasa menentang pasukan Mixstar FC sebelum dinobatkan sebagai juara perlawanan kali ini.

Syabas diucapkan dan semoga MBSJ FC berjaya menjadi Johan bagi musim keempat tahun ini

MATCH STATS		
AS	TOTAL SHOTS	0
RS	SHOTS ON TARGET	0
SS	CORNER	0
SPS/ALL	TOTAL PASSES	830/258
0	OFFSIDE	1
4	GOALS	6
5	YELLOW CARDS	0
0	RED CARDS	0
66%	POSSESSION	30%



6 FULL TIME 0

KITAH BARAH, DY, 04
MBS SUBURBAH, DY, 20
STRETS BARAH, 21
LAW, KBN-YL, 27

VER, PKNS, SBY, KELME, JODIA

LAPAN PENAJA RASMI SOKONG HTKSJ SUBANG JAYA



Komitmen penganjuran Program *Fun Run* 4.2KM dan *Fun Ride* 15KM sempena Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) Edisi Kedua 2025 terus diperkasa melalui Majlis Penyampaian Tajaan dan Sidang Media yang diadakan pada 21 Mei 2025. Majlis ini turut menyaksikan penglibatan aktif pihak swasta yang menyokong inisiatif bandar rendah karbon dan gaya hidup sihat di Subang Jaya.

Majlis telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ bertempat di Ruang Legar, Lobi Ibu pejabat MBSJ. Dalam majlis ini turut diperkenalkan 8 penaja rasmi yang

menyumbang kepada kejayaan penganjuran program *Fun Run & Fun Ride*. Untuk makluman, acara ini akan berlangsung pada 25 Mei 2025 (Ahad) di South City Plaza, Seri Kembangan dengan pelbagai pengisian seperti senamrobik, pameran agensi dan aktiviti riadah terbuka.

Penganjuran ini bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Subang Jaya, malah menyokong usaha menjadikan bandar ini sebagai peneraju pembangunan mampan dan rendah karbon. Usaha sebegini diharap dapat memperkukuh penyertaan komuniti serta kerjasama strategik antara MBSJ dan rakan penaja ke arah bandar raya lebih lestari dan berdaya tahan.



LEBIH 2,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN HTKSJ EDISI KEDUA DI SERI KEMBANGAN



Lebih 2,000 pengunjung telah memeriahkan Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) edisi kedua 2025 yang buat julung kalinya diadakan di Zon Seri Kembangan, bertempat di South City Plaza pada 25 Mei 2025. Program dimulakan dengan pelepasan Larian Santai 4.3KM dan Kayuhan Santai 15KM oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan dan YBrs. Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Turut hadir memeriahkan program ialah YDH ACP Muhamad Farid, Ketua Polis Daerah Serdang; YBrs. Tuan Ismail Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ; Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBSJ. Antara pengisian menarik ialah Fiesta Sarapan Pagi, Eco Free Market, pameran serta kaunter perkhidmatan daripada pelbagai agensi. Sebagai simbolik usaha kelestarian, sebanyak 1,000 anak pokok telah diagihkan secara percuma kepada pengunjung, selain cabutan bertuah istimewa.

Dalam program ini turut berlangsung Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Idea Reka Bentuk (DIC) Pasar Awam Jalan Pasar SK 10, Seri Kembangan yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), bersama YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong dan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ. Pertandingan ini merupakan anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui MBSJ dengan kerjasama Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Turut diserahkan 'Cop Sekolah' bertemakan maskot rasmi "Bling Bling" kepada enam (6) sekolah terpilih di kawasan zon Seri Kembangan serta penyampaian sumbangan 'Program Jelajah Kembali ke Sekolah 2025' sebanyak RM100 anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) yang telah disampaikan oleh YB Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan. MBSJ merakamkan penghargaan kepada semua penaja, agensi kerajaan dan komuniti yang telah menyokong usaha menjayakan HTKSJ demi bandar raya rendah karbon. Jumpa lagi di edisi Ogos 2025!



POLISI ANTIRASUAH MBSJ

- ✓ Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima pakai Dasar Toleransi Sifar (*Zero Tolerance Policy*) kepada segala bentuk aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- ✓ Polisi Antirasuah MBSJ menghuraikan dasar antirasuah dan memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan tentang kaedah menangani permohonan yang tidak wajar berkaitan dengan aktiviti suapan dan kegiatan rasuah yang berpotensi untuk berlaku dalam menjalankan tugas seharian.
- ✓ Polisi Antirasuah ini juga adalah sebagai informasi bagaimana MBSJ dan semua pegawai dan kakitangan boleh menangani kes-kes suapan, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dimana garis panduan yang disediakan adalah untuk mencegah berlakunya aktiviti rasuah daripada berakar umbi.
- ✓ Polisi ini terpakai kepada semua Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MBSJ dan turut terpakai kepada semua kontraktor / pembekal, subkontraktor/pembekal, konsultan, ejen, wakil dan lain-lain yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak MBSJ dan perlu mematuhi bahagian yang berkaitan dengan polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan.



Sila imbas kod QR
untuk memuat turun
Buku Polisi
Antirasuah

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:
Unit Integriti, Aras 1
Majlis Bandaraya Subang Jaya
47610 Subang Jaya, Selangor.

Atau hubungi talian:
03 80264070

Emel:
integriti@mbsj.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.